

UCAPAN

Dato' Ahmad Fuaad Kenali,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Malakoff Corporation Berhad

Program Penanaman Pokok MPSJ Dan Malakoff

Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Haji Yahya

Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar
dan Perubahan Iklim (MESTECC)

Yang Berusaha Puan Noraini Binti Roslan

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Zulkarnain Bin Che Ali

Timbalan Yang Dipertua MPSJ

Yang Berusaha Encik Amin Bin Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Hijau Malaysia

Rakan rakan Media,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat sama-sama hadir pada pagi ini bagi menjayakan Program Penanaman

Pokok Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Dan Malakoff. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Haji Yahya, Ketua Setiausaha, MESTECC yang sudi hadir meluangkan masa dan seterusnya merasmikan program pada pagi ini. Terima kasih Datuk Seri.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih jua kepada Yang Berusaha Puan Noraini Binti Roslan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya kerana sudi bekerjasama dengan Malakoff untuk mengadakan program penanaman pokok pada hari ini.

Tidak lupa juga penghargaan kepada Yang Berusaha Encik Amin Bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Hijau Malaysia di atas inisiatif pelaksanaan program ini sebagai usaha untuk menyebarkan luas dan memupuk kesedaran masyarakat mengenai pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang.

Tuan – tuan dan Puan-puan sekalian

Program penanaman pokok ini merupakan tanggungjawab sosial korporat Malakoff terhadap usaha dan komitmen yang berterusan berkenaan penjagaan alam sekitar.

Pokok adalah aset penting yang memerlukan penjagaan dan penyelenggaraan yang sama seperti harta benda awam yang lain. Ia bekerja 24 jam setiap hari agar kita dapat menikmati kualiti alam sekitar yang lebih baik. Oleh itu, usaha untuk menanam pokok adalah sangat

penting untuk memastikan kita dikelilingi oleh persekitaran hijau yang berterusan.

Dengan adanya program penanaman pokok, secara tidak langsung, kita dapat membantu mengekalkan dan memulihara alam sekitar. Walaupun usaha-usaha yang kita lakukan pada hari ini adalah sesuatu yang kecil tetapi pada masa akan datang ia akan memberi kesan dan impak yang sangat besar kepada ekosistem dunia.

Program ini juga merupakan kesinambungan Kempen Menanam 26 juta Pokok yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menyerap sebanyak 200,000 tan karbon dioksida di negara kita melalui kempen tersebut. Sumbangan kecil kami ini diharap dapat menjadi titik perubahan sikap masyarakat khususnya untuk turut bersama-sama Kerajaan menangani permasalahan perubahan iklim yang berlaku di serata dunia sejak kebelakangan ini.

Sumbangan serta penglibatan Malakoff dalam inisiatif pemeliharaan alam sekitar, serta menyumbang kepada program-program kesejahteraan komuniti seperti kempen "green living", amalan kitar semula, amalan gaya hidup sihat komuniti dan pelbagai program komuniti lain, merupakan amalan yang telah dipraktikkan secara meluas oleh Malakoff.

Tuan – tuan dan Puan-puan sekalian,

Malakoff secara konsisten mengamalkan konsep "*good corporate citizenship*" dan kami sentiasa berkerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi tujuan ini, terutamanya di tempat kami beroperasi seperti di Pontian, Lumut, Prai dan Port Dickson.

Semua usaha ini sebenarnya turut menyumbang ke arah usaha Kerajaan melaksanakan Agenda 21, iaitu persepakatan yang telah dipersetujui oleh kebanyakan negara dalam United Nations bagi mencapai pembangunan mampan atau 'sustainable development', khususnya dalam membantu untuk meningkatkan kualiti hidup, menangani isu-isu pencemaran alam sekitar, pengurusan guna tanah secara bersepadu dengan keseimbangan ekologi perbandaran.

Oleh yang demikian, untuk program pada hari ini kita akan menanam sebanyak 150 anak pokok yang terdiri daripada pokok buah-buahan dan pokok teduhan seperti pokok cermai, pokok durian belanda, pokok "Happiness Tree" dan sebagainya. 150 anak pokok ini adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan 500 anak pokok yang akan ditanam mengikut peringkat yang ditetapkan.

Diharapkan penanaman anak-anak pokok pada hari ini akan membuat persekitaran dan lanskap Taman Putra Bahagia ini lebih hijau selain ianya turut membantu membaikpulih tanah-tanah tersebut supaya menjadi lebih subur dan produktif.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Malakoff merupakan sebuah syarikat penjanakuasa tenaga dan air bebas di mana fokus utamanya adalah kepada penjanaan tenaga elektrik, penyulingan air dan perkhidmatan operasi serta penyelenggaraan. Di Malaysia, Malakoff merupakan penjanakuasa bebas terbesar dengan janaan kuasa bersih sebanyak 6,346 MW daripada tujuh loji janakuasa kami.

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga diperbaharui dalam campuran tenaga negara kepada 20% menjelang 2025, Malakoff telah mengorak langkah untuk mempelbagaikan sumber penjanaan tenaga syarikat kami. Sehubungan dengan itu, Malakoff telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa syarikat tempatan untuk melaksanakan beberapa projek tenaga diperbaharui termasuk projek fotovoltaiik solar, mini hidro, biogas, dan biomass.

Ini adalah komitmen Malakoff untuk mengembangkan sektor tenaga boleh diperbaharui dalam portfolio penjanaannya. Ianya akan menjadi pemangkin kepada Malakoff untuk memainkan peranan yang lebih besar dan aktif dalam membangunkan projek RE di Malaysia dan seterusnya memenuhi hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran 20% tenaga diperbaharui menjelang tahun 2025.

Cadangan pengambilalihan Alam Flora yang baru diluluskan oleh pemegang saham Malakoff pada 2 Oktober yang lalu juga merupakan sinergi yang terbaik bagi Malakoff memanfaatkan projek sisa kepada tenaga (waste to energy) dan mempercepatkan pertumbuhan operasi berkaitan alam sekitar yang semakin penting dan berkembang pesat pada masa kini.

Sebagai sebuah syarikat yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap aspek-aspek pemuliharaan alam sekitar terutamanya di sekeliling tempat kami beroperasi, Malakoff, di bawah platform tanggungjawab sosial korporat (alam sekitar) sentiasa menekankan aspek pemuliharaan alam

sekitar dalam setiap aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang kami laksanakan.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Program penanaman pokok ini merupakan kesinambungan usaha Malakoff terhadap pemuliharaan alam sekitar. Usaha pagi ini menggambarkan bahawa kita adalah sebahagian daripada warga global yang cintakan alam sekitar. Kehijauan adalah lebih daripada sekadar warna. Namun, apa yang lebih penting adalah sumbangan kepada kehidupan bandar yang optimum dan penggunaan tenaga yang rendah.

Sebelum saya akhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Haji Yahya, di atas kesudian Datuk Seri untuk hadir dan merasmikan program pada pagi ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada MPSJ, Yayasan Hijau, Jawatankuasa Penduduk Zon 7, dan kesemua yang sudi hadir pada pagi ini untuk bersama-sama menjayakan program pada hari ini.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan media atas kehadiran pada hari ini dan kami mengharapkan sokongan berterusan daripada semua untuk program kami yang akan datang. Sekian.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.